

**Pesaka akan
umumkan
17 JUN 1989
pasukannya**

**PERSATUAN Silat Ke-
bangsaan (PESAKA) dijangka
mengumumkan pasukannya
ke Sukan SEA pada minggu
depan, kata setiausahanya, A
Rahman Hassan semalam.**

"Kami telah mengenal
pasti mereka yang berpotensi
melalui latihan pusat fasa te-
rakhir selama seminggu di
Kuala Lumpur yang berakhir
Isnin lalu," katanya. Jawa-
tankuasa pemilihan Pesaka
akan bermesyuarat Selasa ini
bagi memilih 15 pesilat terdiri
daripada 10 lelaki dan lima
wanita bagi skuad negara.

**Zulfakar
menang
17 JUN 1989
percuma**

**PESILAT kebangsaan, Zulfakar
Abdul Hamid, dengan mudah
menjuarai Kelas H Kejohanan Si-
lat Olahraga Daerah Johor Bahru
di Gelanggang Budaya, semalam,
apabila lawannya, Ahmad Kamal
Ahmad, menarik diri kerana ti-
dak sihat.**

Kejohanan itu yang bermula
kelmarin menemukan 48 peserta
daripada lapan pertubuhan silat
daerah, yang bertanding dalam
sepuluh kelas termasuk kelas be-
bas. Pesilat cemerlang akan me-
wakili daerah ke kejohanan pe-
ringkat negeri di Kota Tinggi, 29
Jun ini.

Pertarungan akhir kelas A, B,
C, D dan F berlangsung hari ini
manakala Kelas E, G, H, I dan be-
bas semalam.

**Pesaka tangguh
pengguguran
20 JUN 1989
13 pesilat**

**TIGA belas pesilat yang disenarai untuk digu-
gurkan daripada skuad Sukan SEA XV, Ogos ini,
akan dipanggil semula menyertai latihan di
Bangi pada 15 Julai ini.**

Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pe-
saka) terpaksa menangguhkan pengguguran itu
setelah mendapat persetujuan MSN, minggu
lalu bagi mengelakkan senarai utama pesilat ne-
gara diketahui oleh Indonesia dan Singapura.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sari-
jan, berkata langkah itu memberi peluang kepa-
da 13 pesilat itu memperolehi pengalaman jika
mempunyai keazaman bertanding di Sukan
SEA.

Bagaimanapun, antara 13 pesilat itu tidak
membabitkan juara Kelas D, Zakri Ibrahim ke-
rana Pesaka mempunyai alasan kukuh mence-
nai kedudukan pesilat itu.

Zakri tidak menja'ani latihan pusat di Kuala
Lumpur pada 6 Jun kerana tidak dibenar me-
ninggalkan kem latihan rekrut Polis di Negeri
Sembilan.

Selain Zakri, Sazali Said lebih awal menarik
diri daripada latihan pusat kerana menjalani la-
tihan rekrut tentera.

Sulaiman meminta Ibu Pejabat di Polis Bukit
man menimbang semula kedudukan Zakri
agar dapat dikecualikan daripada latihan buat
mentara kerana tugas ini turut membabitkan
bal maruah negara.